

## BAB 3

### KETAATAN DALAM POLITIK ISLAM

#### 3.1 Doktrin Politik Islam

Dalam politik Islam, doktrin berkaitan ketaatan boleh dirujuk secara terus kepada sumber asalnya iaitu al-Quran, Hadis, Ijma' dan Qiyas (Roy, 1984 : 55). Daripada ketiga sumber inilah asas politik Islam dibina dan dikukuhkan melalui dasar-dasar paling utama, yakni *aqidah*, *syariah* dan *akhlak* (Abu A'la al-Maududi, 1986 : 47-53). Perkaitan antara tiga dasar inilah yang digunakan untuk membentuk falsafah dan teori ketaatan yang digariskan dalam politik Islam.

Bab ini akan membincangkan ciri-ciri asas konsep ketaatan dari segi ajaran Islam, dan bukannya tentang manifestasinya dalam sejarah. Sejarah disebut hanya sebagai ilustrasi tentang doktrin yang dinyatakan, dan bukan sebaliknya. Ini kerana dalam Islam doktrin adalah dasar paling asas, sementara perlaksanaannya hanya dapat ditimbang dari manifestasi doktrin tersebut.

Pemaknaan istilah ketaatan dalam urusan politik ada disentuh secara langsung di dalam firman Allah yang bermaksud : “Wahai mereka yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul dan *Ulu al-Amr* dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berselisih pendapat maka kembalilah kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (al-Sunnah), jika kamu benar beriman dengan Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu yang paling utama dan paling baik akibatnya” (Al-Quran, 4 : 59).

Para *jumhur mufassirin* (kebanyakan ulama tafsir) berpendapat bahawa ketaatan kepada *Ulu al-Amr* yang ditakrifkan sebagai para pemerintah yang melaksanakan hukum Allah itu adalah satu tuntutan yang ditujukan kepada rakyat jelata. Iman al-Qurtubi (1961) misalnya, menafsirkan ayat “mentaati Allah” sebagai, (i) melaksanakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya, (ii) mentaati Rasul

mengenai apa yang disuruh dan dilarang dan (iii) mentaati pemerintah yang menjalankan tanggungjawab memerintah dengan adil dan menunaikan amanah. Ayat ini dengan jelas menerangkan bahawa ketaatan kepada *Uli al-Amr* yakni pemimpin adalah menduduki tahap ketiga, iaitu selepas mentaati Allah dan Rasul. Kedudukan dalam bentuk hirarki ini menunjukkan bahawa ketaatan kepada pemimpin perlulah selari dengan ketaatan kepada Allah dan Rasul.

Oleh yang demikian al-Qurtubi mengaitkan arahan mentaati pemerintah dalam konteks tersebut berdasarkan arahan Allah kepada pemerintah agar menunaikan amanah dan memerintah dengan adil pada ayat sebelumnya (al-Qurtubi, 1961 : 259), yang bermaksud : “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu berhukum di kalangan manusia maka hendaklah kamu berhukum dengan adil. Sesungguhnya Allah memberikan pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat” (al-Quran, 4 : 58).

Tafsiran di atas menjelaskan bahawa beberapa syarat harus diwujudkan sebelum doktrin ketaatan dapat ditempatkan dalam teori politik Islam. Ini ada hubungannya dengan hakikat bahawa Allah menyuruh agar ditunaikan amanah dan melaksanakan keadilan, dan setelah itu barulah datang perintah mentaati pemerintah. Malah huraian hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Saidina Ali menyebutkan bahawa “Tanggungjawab imam (pemerintah) ialah memerintah dengan adil dan menunaikan amanah. Apabila dia melaksanakan tanggungjawab tersebut maka wajib ke atas muslimin mentaatinya”. Perkara ini ditegaskan oleh Rasulullah dalam hadis yang lain, bermaksud: “Sesiapa yang mentaati pemimpin maka sesungguhnya dia telah mentaatiku dan sesiapa yang menderhakai pemimpin sesungguhnya menderhakaiku” (Hadis riwayat Muslim).

Dari satu segi, dalil-dalil ini membuahkan satu doktrin bahawa dalam urusan ketaatan sesama makhluk, Islam tidak melarang taat setia kepada pemerintah. Malah taat setia adalah dituntut sebagai satu manifestasi ketaatan kepada Allah dan Rasul, kerana rujukan kepada *Ulu al-Amr* itu sendiri adalah merupakan pemerintah yang telah menunaikan amanah dan tanggungjawabnya dalam melaksanakan perintah Allah dan Rasulnya (Muhammad 'Uthman Muhammadi, 1982: 208).

Dalam konteks ketaatan yang melibatkan pertembungan pandangan atau *ijtihad* pemerintah dengan mereka yang diperintah, maka doktrin ketaatan dalam politik Islam mewajibkan dilaksanakan keputusan pemerintah selagi mana perkara tersebut bukan berbentuk maksiat kepada Allah (al-Nawawi, 1986 : 537). Hal ini disyarahkan oleh Imam al-Nawawi berdasarkan hadis Rasulullah yang bermaksud: "Dengar dan taat (kepada pemerintah) adalah kewajipan setiap individu muslim dalam perkara yang dia suka atau benci selagi dia tidak diperintahkan dalam perkara maksiat. Apabila diperintahkan dalam perkara maksiat maka tiada lagi dengar dan taat" (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Walaupun begitu Islam sebagai agama yang didirikan atas prinsip tauhid mempunyai pendirian yang tegas dalam menjelaskan prinsip ketaatan, khususnya yang melibatkan taat setia buta kepada pemerintah. Secara teorinya, pemerintah bagi sebuah negara tidak memiliki kuasa mutlak untuk ditaati, demikian juga mana-mana badan eksekutif mahupun rakyat. Kekuasaan mutlak yang sebenar hanyalah milik Allah. Oleh itu hanya Allah sahaja yang berhak menerima taat setia yang menyeluruh. Manusia sebagai khalifah atau pemerintah hanya merupakan pemegang amanah yang harus patuh kepada ketentuan *syariah Islamiyah* (perundangan Islam).

Syariah yang ditegakkan atas dasar aqidah ketauhidan kepada Allah menekankan akhlak sebagai penghubung dalam hubungan pelindung dan yang

lindungi. Dari jaringan tiga asas inilah ketaatan dibina dalam politik Islam: Taat setia kepada raja atau pemerintah amatlah dituntut dalam kadar yang tidak melanggar asas aqidah, perundangan syarak dan nilai-nilai akhlak. Inilah intipati doktrin ketaatan yang termaktub dalam peringatan Nabi Muhammad s.a.w yang meriwayatkan bahawa "Tiada ketaatan dalam kerja dosa, ketaatan hanyalah untuk kerja-kerja kebaikan" (Hadis riwayat Abu Daud).

Atas garis panduan inilah taat setia kepada pemerintah dalam urusan yang jelas bercanggah dengan syariat dan akhlak mulia adalah terlarang. Keadilan sebagai itu konsep yang bertunjang dalam 'pentakrifan kuasa' dalam pemerintahan Islam adalah prinsip yang diletakkan sebagai syarat untuk bertaat setia. Keadilan dimaksudkan sebagai kejayaan pemimpin mendaulatkan agama Allah s.w.t. dalam segala aspek pemerintahan, seperti dalam pentadbiran, kegiatan perekonomian dan perundangan (Mustafa Haji Daud, 1991 : 399). Dari konsep keadilan inilah seseorang pemerintah layak untuk ditaati, dan jika sebaliknya – yakni ia berlaku zalim – maka haram dalam pengertian jihad diharuskan. Sebagaimana pernah disabdakan oleh Rasulullah : " Sepatah kata keadilan di depan seorang pemerintah yang tidak adil adalah jihad yang besar" (Qutb, 1964: 292). Prinsip keadilan amat ditekankan dalam Islam, kerana keadilan menjadi asas yang kukuh untuk membendung sebarang tindakan keterlaluan pihak pemerintah terhadap yang diperintah atau sebaliknya. Melalui prinsip inilah keharmonian hubungan di antara pemerintah dengan rakyat dapat diwujudkan, selain menjadi asas pelaksanaan tanggungjawab agama yang lebih utama.

Falsafah kepemimpinan yang bertunjangkan prinsip keadilan dalam ketaatan berpolitik pernah ditegaskan oleh Saidina Abu Bakar sebaik sahaja beliau dilantik sebagai Khalifah pertama bagi menggantikan kepemimpinan dunia Islam yang

diterajui oleh baginda Rasulullah sebelumnya. Ucapan dasar Saidina Abu Bakar antaranya menegaskan bahawa: “Saksikanlah saya yang dipertanggungjawabkan dengan tugas kerajaan. Saya bukanlah yang terbaik di kalangan kamu; saya memerlukan segala nasihat dan bantuan kamu. Jika saya melakukan kebaikan, berilah sokongan, jika saya melakukan kesalahan, tegurlah saya. Sesungguhnya menyatakan kebenaran kepada seorang yang diamanahkan untuk memerintah adalah suatu kesetiaan; sebaliknya menutup kebenaran adalah suatu pengkhianatan. Pada saya, mereka yang kuat tiada bezanya dengan yang lemah; dan saya ingin berlaku adil kepada kedua-duanya. Jika saya taat kepada Allah dan Rasul-Nya, taatilah saya; jika saya mengabaikan undang-undang Allah dan Rasul-Nya maka saya tidak lagi berhak mendapat kesetiaan kamu” (Shariff, 1994 : 662-663).

Dari khutbah yang menjadi dasar pelaksanaan politik Khulafak al-Rasyidin ini jelaslah bahawa satu dimensi ketaatan yang amat menekankan konsep kebenaran dan keadilan. Falsafah ini diperteguhkan semasa pemerintahan Saidina Umar yang sedia terkenal sebagai Amirul Mukminin yang amat tegas dalam soal keadilan dan hak yang perlu dipelihara dalam urusan pemerintahan bagi sebuah negara Islam. Dengan itu menjadi suatu kaedah di dalam politik Islam bahawa ketaatan kepada sesiapa pun tidaklah mutlak bahkan *muqayyad* atau terikat dengan ketaatan langsung kepada Allah dan Rasul-Nya.

Doktrin ketaatan juga perlu dijelaskan berdasarkan sunnah Rasulullah ketika bertindak sebagai ketua negara Islam pertama di Madinah. Ketaatsetiaan umat kepada baginda sebagai Nabi dan Rasulullah tidaklah dapat dipertikaikan . Apa yang menarik ialah ketaatan yang sama tidak pula dituntut oleh ajaran Islam yang dibawa oleh baginda dalam urusan politik atau keduniaan secara umumnya. Hal ini dijelaskan dalam tindakan Rasulullah yang mengikut dan mematuhi keputusan yang dipersetujui

oleh orang ramai (*syura*) dalam urusan tawanan perang Badar, penggalian parit semasa perang Khandak dan penetapan beberapa perkara berkaitan perjanjian Hudaibiah.

Selain meletakkan prinsip yang paling asas di atas, doktrin ketaatan Islam juga menekankan prinsip ketaatan yang berasaskan kepada tuntutan perundangan atau perlembagaan, dan bukannya kepada kemahuan pemerintah yang bersifat peribadi. Hal ini dijelaskan dalam hadis Rasulullah yang bermaksud : “Tidak ada taat setia kepada seorang makhluk dalam perkara yang membawa kepada penderhakaan kepada al-Khalik (Allah)” (Hadis riwayat Ahmad dan al-Hakim).

Oleh yang demikian, ketaatan menurut perspektif politik Islam adalah berasaskan kepada sesuatu ketetapan yang telah termaktub di dalam perlembagaan atau perundangan yang digubal oleh sesebuah negara. Ketetapan itu pula mesti diasaskan kepada prinsip perundangan yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Sebagaimana ketaatan politik yang telah diberikan oleh penduduk Madinah terhadap Perlembagaan Madinah yang pernah digubal di bawah kepimpinan Rasulullah.

Demikianlah dasar ketaatan yang digariskan dalam al-Quran telah disempurnakan huraianya melalui hadis dan sunnah Rasulullah. Kita boleh merumuskan bahawa ketaatan buta tidak mempunyai tempat di dalam politik Islam. Malah gagasan tersebut bercanggah dengan asas aqidah, tidak disokong, bahkan diharamkan oleh Islam bagi mengelakkan sebarang bentuk kezaliman daripada berlaku. Sebaliknya doktrin ketaatan Islam dengan tegas memberi hak kepada setiap rakyat untuk menentang sebarang bentuk ketidakadilan dan kemungkaran yang wujud dalam sistem politik di setiap peringkat. Ketaatan yang bersifat pasif bukan sahaja dianggap sebagai unsur '*asabiyyah*' yang bersisa dari zaman Jahiliyah, malah ia boleh

merebakkan unsur permusuhan yang melemahkan struktur pemerintahan negara secara keseluruhannya.

### 3.2 Polemik Tentang Ketaatan Dalam Islam

Perbahasan para ulama tentang persoalan ketaatan terhadap pemerintah, khususnya khalifah, telah menjelma menjadi suatu polemik dalam teori politik Islam. Walaupun doktrin Islam telah menggariskan prinsip-prinsip ketaatan yang perlu diikuti, namun perkembangan politik Islam yang mengalami beberapa fasa perubahan telah menimbulkan beberapa isu ketaatan yang mengambil bentuk dan sifat yang baru. Keadaan inilah yang menyebabkan para ulama yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan permasalahan *ummah*, tampil menyatakan *ijtihad* dan pendirian mereka terhadap masalah tersebut berdasarkan sumber-sumber asas perundangan Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

Pada dasarnya polemik ini bertunjang dalam fahaman ulama yang berbeza terhadap konsep ketaatan yang harus dilaksanakan dalam sistem kepemimpinan Islam. Persoalan pokok yang menjadi dasar pertentangan pendapat ini berkisar pada persoalan kekhalifahan. Khalifah atau dikenali juga sebagai *amir* atau *imam* adalah penguasa tertinggi yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus pentadbiran dan hal ehwal keagamaan dan keduniaan umat Islam. Kepada khalifah juga tertumpu ketaatan umat Islam bagi menjayakan matlamat pembentukan sebuah negara Islam yang diredhai Tuhan.

Pada asasnya, terdapat beberapa syarat yang digariskan oleh *ijmak* (kesepakatan ulama dalam hukum Islam) bagi melayakkan seseorang itu dilantik sebagai khalifah dan seterusnya berhak untuk mendapat ketaatan penuh umat Islam. Syarat yang dimaksudkan ialah :

- i. Berketurunan Quraish
- ii. *Bay'ah* – satu simbol serah terima kekuasaan rakyat kepada khalifah dan khalifah pula berjanji akan melaksanakan hukum Islam dan memenuhi keperluan rakyat.
- iii. *Syura* atau *Musyawaharah* – pungutan suara rakyat atau persetujuan dari keanggotaan Majlis Syura yang dilantik.
- iv. Adil – bersikap adil menurut ketetapan hukum syarak.

Menurut pendapat *jumhur* (kebanyakan) ulama, mentaati khalifah yang memenuhi empat syarat tersebut adalah wajib kerana khalifah yang demikian dianggap sah di sisi tatacara perundangan politik Islam (Muhammad Abu Zahrah, 1996 : 105). Namun *jumhur* ulama berselisih pendapat tentang ketaatan yang perlu diberikan oleh umat Islam kepada khalifah yang tidak mencukupi salah satu atau mana-mana syarat tersebut. Khalifah yang tergolong dalam kategori ini disifatkan oleh *jumhur* ulamak sebagai khalifah yang tidak lagi bersifat “kenabian”, sebaliknya bersifat “sekular”. Isu ketaatan kepada khalifah yang bersifat sekular inilah yang diperdebatkan oleh ulama tradisi dan kontemporari bagi membentuk teori politik yang dapat disesuaikan dengan tuntutan doktrin ketaatan dalam Islam.

Pada dasarnya, ideologi ketaatan yang menjadi subjek perselisihan pandangan ulama terkandung dalam prinsip *bay'ah*. Ibn Khaldun menganggap *bay'ah* sebagai sumpah kepatuhan rakyat kepada penguasa (Ibn Khaldun, 1986 : 209). Menurut asal usul katanya, *bay'ah* merupakan tindakan yang dilakukan oleh kedua pihak yang menghasilkan kewajipan timbal-balik. Namun Abu Ya'la menegaskan *bay'ah* bukanlah kewajipan rakyat untuk mematuhi penguasa tetapi lebih merupakan syarat-syarat rakyat untuk patuh kepada penguasa. Apabila syarat-syarat ini diterima oleh



kedua pihak, maka menjadi kewajiban kepada rakyat dan penguasa untuk bertanggungjawab terhadapnya (Mumtaz Ahmad, 1986 : 82).

Oleh yang demikian, jumbuh ulama bersatu pendapat dalam memutuskan bahawa wajib ke atas setiap rakyat untuk memberikan ketaatan setelah mereka melaksanakan *bay'ah* (kontrak) tersebut. Al-Mawardi antaranya menegaskan bahawa bagi *bay'ah* atau kontrak yang sah rakyat wajib memberi dua hak kepada khalifah, iaitu taat dan memberi pertolongan, selagi khalifah itu berlaku adil dan sihat mental serta fizikalnya (Shariff, 1994 : 715-716).

Walaupun begitu, perselisihan masih timbul di dalam kes yang melibatkan *bay'ah* yang diberikan kepada khalifah yang pada mulanya bersikap adil tetapi akhirnya berubah menjadi *fasiq*. Apakah ketaatan masih perlu diberikan? Dalam konteks perdebatan ini, Al-Baqillani (Yusuf Ibish, 1966 : 105) berpendapat bahawa ketaatan kepada khalifah boleh ditarik balik apabila khalifah melakukan penyelewengan, ketidakadilan dan tingkah laku yang tidak bermoral. Pendirian ini turut dipersetujui oleh Al-Nasafi dan Al-Nawawi yang berpegang kepada prinsip Al-Baqillani bahawa penyelewengan dapat menjadi alasan yang memadai untuk menolak *bay'ah* kepada khalifah, namun ini tidaklah cukup untuk memecatnya.

Namun begitu sebahagian besar ahli *fiqh* dan ahli *hadis* percaya bahawa khalifah yang *fasiq* harus diberi nasihat dan paling tidak diingkari pada perintah yang jelas melanggar syariat Islam. Oleh sebab itu kebanyakan ulama tradisi berpendirian bahawa mentaati khalifah tersebut secara konsisten adalah wajib sebagai memenuhi *bay'ah* yang telah diberikan. Sebaliknya ada juga sebilangan kecil ulama berpendirian bahawa rakyat tidak perlu mematuhi *bay'ah* dan boleh menarik balik kesetiaan yang diberikan kerana mereka menanggap *bay'ah* yang diberikan itu telah gugur atau terbatal dengan sikap *fasiq* khalifah tersebut.

Polemik tentang ketaatan ini juga telah dilanjutkan kepada permasalahan menentukan ketaatan kepada khalifah yang telah dilantik mengikut prosedur yang telah ditetapkan tetapi bersikap zalim atau memerintah secara kuku besi. Menurut perkaedahan perundangan hukum yang dipegang oleh jumah ulama yang ditulis oleh Imam Malik dalam kitabnya *Al-Muwatta'*, mematuhi khalifah atau imam yang zalim tetap lebih baik daripada menentangnya (Muhammad Abu Zahrah, 1996 : 106). Hal ini difatwakan bagi mengelakkan pertumpahan darah atau akibat buruk yang mungkin timbul dari sebarang penentangan massa terhadap khalifah yang zalim.

Dalam soal ini Hassan Bashri, misalnya, merujuk kepada raja-raja di zaman kerajaan Bani Umayyah sebagai masih perlu ditaati kerana berpegang kepada perintah Allah s.w.t. yang melarang umat Islam memberontak. Sebaliknya umat Islam diminta berusaha dengan cara menghindarkan kemudaratan yang mereka timbulkan dengan cara bertaubat dan berdoa. Hujah ini disandarkan kepada pendirian Imam Ahmad yang pernah mengatakan bahawa “Wajib bersabar berada di bawah kekuasaan seorang penguasa, sama ada ia adil ataupun zalim. Kita tidak dibolehkan melakukan penentangan dengan kekerasan terhadap penguasa, walaupun mereka penguasa yang zalim” (Majid Khadduri, 1994 : 39).

Namun terdapat ulama yang menyokong penentangan terhadap khalifah sehingga khalifah itu boleh dipecat, khususnya apabila kezaliman itu menyebabkan kedudukan rakyat dan agama Islam kian terjejas. Pemerintahan yang zalim disifatkan sebagai pemerintahan yang ditadbir menurut nafsu jahat manusia yang hanya menjaga kepentingan golongan tertentu dan diperolehi melalui cara paksaan dan penipuan (Mustafa Haji Daud, 1994 : 26). Antara mereka yang berpegang pada pandangan ini ialah Al-Baghdadi, Al-Ijy, Al-Jurjani dan Ibn Hazm. Sebaliknya sebahagian ulama Muktazilah dan Khawarij berpendapat bahawa khalifah boleh ditentang dan dipecat,

meskipun mereka belum sampai ke peringkat zalim atau murtad (Mumtaz Ahmad, 1986 : 104).

Bagi khalifah yang tidak dipilih secara bebas, jumbuh ulama berpendapat bahawa perintah khalifah dalam perkara yang tidak menyalahi hukum syarak wajib ditaati. Pendapat ini berhujah dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud “Menjadi tanggungjawab seorang Islam untuk mengikut ketuanya dan mentaatinya, sama ada dia suka atau tidak, melainkan jika dia disuruh berbuat maksiat” (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim). Namun begitu ada di kalangan ulama yang menolak sebarang ketaatan kepada khalifah tersebut walaupun dalam soal ketaatan kepada Allah.

Sebagai kesimpulan dapatlah dirumuskan bahawa polemik ketaatan dalam politik Islam sangat bergantung kepada penekanan dan fahaman yang berbeza para ulama terhadap masalah kekhalifahan. Dari penekanan dan tafsiran yang berbeza inilah lahir skala ketaatan yang berbeza pula. Namun perlu ditegaskan bahawa perselisihan pandangan ini pada asasnya hanya berlaku diperingkat *furu'* (cabangan hukum) sedangkan pada prinsip asasnya masih terikat kepada doktrin yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah.